

08 OCT 2002

Mahathir-Visa/I

MALAYSIA TIDAK CADANG KETATKAN VISA, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak bercadang untuk mengenakan sekatan visa kerana ia "tidak masuk akal" dan "tidak berkesan" terhadap mereka yang hendak melawat negara ini.

"Tindakan itu cuma boleh mengganggu dan kita tidak mahu menimbulkan gangguan kepada mereka yang ingin ke Malaysia," kata beliau pada persidangan media selepas melancarkan Persidangan Ekonomi Malaysia-China 2002 hari ini.

Dr Mahathir telah ditanya sama ada kerajaan bercadang untuk mengenakan sekatan visa yang lebih ketat terhadap sesetengah negara yang dikatakan menjadi antara penyebab yang mendorong Amerika Syarikat dan Canada memperketat keperluan visanya terhadap rakyat Malaysia.

Canada sejak 24 Sept lepas menguatkuasakan peraturan yang menghendaki rakyat Malaysia yang ingin masuk ke negara itu memohon visa penduduk sementara Canada. Alasan yang diberikan ialah bahawa pasport Malaysia mudah disalahgunakan.

Selama ini rakyat Malaysia boleh memasuki Canada tanpa dikenakan syarat visa kerana kedua-dua negara adalah anggota Komanwel.

Pada 31 Sept, US menguatkuasakan peraturan masuk dan keluar yang lebih ketat terhadap pelawat melalui pemeriksaan pendaftaran, gambar dan cap jari.

Tindakan itu adalah ekoran keputusan Kongres untuk melaksanakan sistem masuk dan keluar yang bertujuan meningkatkan pemeriksaan terhadap rakyat semua negara di sempadan US.

Akhir-akhir ini, kedutaan Amerika telah mengambil masa yang lama untuk meluluskan permohonan visa oleh rakyat Malaysia yang hendak ke negara itu.

-- BERNAMA

HK AZZ JK NMO